

UCAPAN BELANJAWAN 2005 DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

PENDAHULUAN

Terlebih dahulu saya mengucapkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wa Taala kerana dengan izin-Nya dan limpah-Nya dapat saya mengumumkan Bajet DBKL Tahun 2005.

Bajet kali ini menekankan aspek-aspek mempertingkatkan kualiti hidup dan perpaduan masyarakat akan diberi perhatian. Bagi merealisasikan cita-cita ini DBKL akan memberi tumpuan yang lebih kepada aspek kemanusiaan seperti mengadakan pusat komuniti, pusat penjagaan harian untuk warga tua, meningkatkan aktiviti riadah dapat mewujudkan wargakota yang cergas agar dapat meningkatkan kesihatan yang sempurna.

YAB Perdana Menteri dalam Ucapan Bajet 2005 pada 10 September 2004 telah menegaskan bahawa kerajaan akan menyediakan persekitaran yang akan membolehkan seluruh rakyat meraih peluang dalam pelbagai aktiviti ekonomi serta berjanji setiap rakyat akan dapat menikmati suasana kehidupan yang sejahtera dan harmoni tanpa mengira kaum, pegangan agama dan taraf sosial.

DBKL telah menentukan perbelanjaan di dalam bajet tahun 2005 bahawa perbelanjaan hendaklah sama dan tidak melebihi jumlah hasil yang diterima. Satu formula ditentukan bagi mewujudkan bajet yang seimbang dan formulanya seperti berikut :-

Jumlah Hasil $\geq D < A + B + C + E$

- A. Sosial dan Infrastruktur - 34%
- B. Perniagaan (Bumi) - 45%
- C. Menjana Ekonomi - 4%
- D. Personel/ Belanja Mengurus - 10%
- E. Menjana Pendapatan 7%

Bajet Tahun 2005

Bagi bajet tahun 2005 dijangkakan akan membelanjakan sejumlah **RM 1,810.34 juta**berbanding **RM 2,073.80 juta** pada tahun 2004. Ini merupakan pengurangan sebanyak **RM 263.454 juta** atau **12.70%**.

Dari jumlah **RM 1,810.34 juta** sebanyak **RM 962.77 juta** atau **53.18%** adalah untuk perbelanjaan mengurus, manakala **RM 847.57 juta** atau **46.82%** merupakan perbelanjaan pembangunan. Perbelanjaan mengurus meningkat sebanyak **RM 61.98 juta** atau **6.88%** dari **RM 900.79 juta** tahun 2004 kepada **RM 962.77 juta** tahun 2005. Manakala perbelanjaan pembangunan pula terdapat kekurangan sebanyak **RM 325.43 juta** atau **27.74%** dari **RM 1,173.00 juta** tahun 2004 kepada **RM 847.57 juta** tahun 2005.

Anggaran hasil tahun 2005 terdiri daripada Hasil Cukai sebanyak **RM 625.18 juta** atau **64.31%**. Terima Bukan Cukai sebanyak **RM 93.04 juta** atau **9.57%** dan Hasil Bukan Cukai sebanyak **RM 253.87 juta** atau **26.12%**.

Mempertingkatkan Kualiti Hidup Wargakota

Sosial dan Infrastruktur

Bagi mewujudkan wargakota yang cergas dan mempunyai tahap kesihatan yang sempurna beberapa kemudahan seperti peningkatan 'jogging track' dan taman-taman rekreasi disediakan. Taman-taman ini terletak di Cheras , Kepong, Batu dan Bukit Kiara. Sejumlah **RM 9.7 juta** atau **15.21%** telah diperuntukkan bagi tujuan tersebut.

Sebagai langkah untuk menjadikan wargakota yang sihat dan bersatu padu wargakota digalakkan untuk menjalankan aktiviti berpersatuan di kalangan komuniti seperti sukan badminton, sepak takraw dan lain-lain sukan. Wargakota juga digalakkan untuk menjalankan aktiviti berpersatuan seperti persatuan penduduk, taman-taman perumahan dan badan-badan sosial yang lain. Sebanyak 6 pusat komuniti

yang mempunyai kemudahan/kelengkapan bersukan disediakan di kawasan Sg. Besi , Bandar Tun Razak, Jalan Kelang Lama, Damansara, Gombak dan Desa Tun Razak. Sejumlah **RM 7.74 juta** atau **39.0%** daripada peruntukan Kemudahan Awam bagi tahun 2005.

Pembangunan Infrastruktur ini diberi keutamaan dengan peruntukan sebanyak **RM 293.70 Juta** bersamaan **36.56%** daripada keseluruhan bajet 2005. Daripada jumlah ini hanya 3 projek baru dengan peruntukan sebanyak **RM 4.5 juta** atau **1.53%** daripada peruntukan Infrastruktur dan selebihnya untuk membangunkan projek-projek sambungan dari tahun 2004 sebanyak **RM 289.2 juta**.

Projek-projek jalan yang dimasukkan adalah untuk pembinaan Persimpangan Bertingkat di Jalan Keluar Masuk Tan Leng Seng dan juga di Persimpangan Bertingkat di Taynton View. Pembinaan jalan-jalan baru serta menaiktaraf jalan-jalan di kawasan Perumahan Awam.

Longkang-longkang dan parit di kawasan perumahan Awam diberi perhatian dan menaiktaraf digantikan dengan kalbat untuk mengukuhkan longkang-longkang dengan peruntukan sebanyak **RM 1.4 juta**.

Kejadian tanah runtuh kerap berlaku di musim hujan dan menghalang lalulintas di kawasan yang bercerun. Sebanyak **RM 2.0 juta** diperuntukkan bagi menghadapi bencana ini.

Perniagaan Bumiputera

Di dalam meningkatkan dan memajukan usahawan bumiputera di dalam bandaraya Kuala Lumpur yang penuh dengan cabaran DBKL telah menyediakan peluang-peluang untuk melahirkan golongan bumiputera yang berwibawa dan dinamik.

Bagi tujuan ini sejumlah **RM 13.0 juta** disediakan daripada peruntukan bajet tahun 2005. Prasarana yang disediakan seperti menaiktaraf Jalan Masjid India dan kawasan sekitarnya serta menaiktaraf Jalan Raja Alang dan Jalan Raja Muda Musa.

Menjana Ekonomi

Dalam usaha untuk menjana ekonomi, wargakota DBKL mensasarkan **RM 245.44 juta** atau **13.56%** daripada keseluruhan bajet 2005. Pembinaan pusat-pusat penjaja dan pasar di beberapa kawasan strategik di dalam bandaraya Kuala Lumpur disediakan bagi wargakota menjalankan aktiviti perniagaan.

Menjana Pendapatan


Sejumlah **RM 17.13 juta** diperuntukkan bagi menjana pendapatan DBKL. Bagi tujuan ini DBKL mencadangkan untuk menetapkan kadar cukai baru ke atas premis perniagaan di dalam bandaraya Kuala Lumpur. Juga dicadangkan agar cukai pintu disemak semula. Di dalam tempoh 5 tahun kebelakangan ini tiada penyemakan ke atas kadar cukai pintu perumahan dilakukan.

Penguatkuasaan undang-undang akan dipertingkatkan lagi bagi tujuan untuk memungut hasil cukai yang lebih tinggi. Penyertaan daripada golongan usahawan untuk mengadakan hubungan usahasama dalam melaksanakan projek-projek pembangunan DBKL untuk membangunkan sesuatu kawasan.


	2004	2005		2004	2005
Hasil Cukai	603.75	625.18	Hasil Cukai	604	625
Hasil Bukan Cukai	243.50	253.88	Hasil Bukan Cukai	243	254
Terimaan Bukan Hasil	89.00	93.04	Terimaan Bukan Hasil	89	93

BAJET 2005

ANGGARAN HASIL TAHUN 2005
RM 972.10 JUTA




PERBANDINGAN HASIL
2004 dan 2005




	2004	2005		2004	2005
Emolumen	306	321	Emolumen	306.06	320.54
Perkhidmatan dan Bekalan	547	594	Perkhidmatan dan Bekalan	547.25	594.36
Pemberian dan Kenaan Tetap	22	22	Pemberian dan Kenaan Tetap	21.85	21.89
Lain-lain Perbelanjaan	21	23	Lain-lain Perbelanjaan	21.00	23.08
Aset	5	3	Aset	4.63	2.90

BAJET 2005

ANGGARAN MENGRUS TAHUN 2005 RM 962.77JUTA




PERBANDINGAN MENGURUS 2004 dan 2005



	2004	2005		2004	2005
Pembangunan Am	636.26	448.07	Pembangunan Am	636	448
Jalanraya	426.00	293.70	Jalanraya	426	294
Perparitan	61.65	61.20	Perparitan	62	61
Perumahan Awam	22.10	31.60	Perumahan Awam	22	32
Letak Kereta	14.00	13.00	Letak Kereta	14	13
Usahasama & Penswastan	13.00	0.00	Usahasama & Penswastan	13	0

BAJET 2005

ANGGARAN PEMBANGUNAN TAHUN 2005
RM 847.57 JUTA



PERBANDINGAN PEMBANGUNAN 2004 dan 2005

